UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

KIT PEMBELAJARAN KEA (KENALI EMOSI ANDA) 258

Masni binti Jamin[1,*], Nooraini binti Ab. Latif [2], Fathimatuzzahra' binti Mohd Zabidon[3], Nurul Atiqah binti Muhamad Nujeib[4], 'Irdina binti Shariful Anuar[5] 258

SIMBA 261

Zarkashi bin Junaidin[1], Nur Dania Qistina binti Nor Shafizul Adli[2] & Puan Masni binti Jamin[3] 261

i-FleQ: INFOGRAFIK FLEKSI AL-QURAN 265

Khadijah Yusop[1,*], Mohd Fauzi Abdul Hamid[2] & Mohd Firdaus Yahaya[3] 265

EASY MATHWAY FORMULAE MODULE 269

[1]Pavithra A/P Kanabathi, [2]Shivani A/P Batumalai, [3]Ranjitha Lakshmi A/P Rajacrcha Kumar & [4]Jyothsheny Selvam 269

e-LAGU SERONOK, KOSA KATA MANTAP! *e-SONGS FUN, VOCABULARY STRONG!* 273

Viannie Tongguritom[1] & Minah Sintian [2*] 273

THE IMPLEMENTATION OF ECO READER QUEST MODULE TO ENHANCE STUDENTS' AWARENESS OF SUSTAINABLE PRACTICES 277

Nurmiza bt Rifayudeen[1,], Sharifah Radiyah bt Sayed Hasan[1], Dayini Dhabitah bt Zamil[1], Nur Syuhadah bt Syamsul Kamal[1] & Siti Aisyah bt Roslan[1*] 277

MARI MENGEJA BERSAMA-SAMA AYU 281

Roziah binti Ramli[1], Nur Amylia Natasya Mohamad Yusrie[2], Sarah Nabilah binti Mohd Mazni[3] Nur Hana Aliesha binti Muhd Hasanuddin [4] & Muhamad Danish bin Norahairuzan[5] 281

DEVELOPING ENGLISH COURSEWARE FOR LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS: TEACHING PREPOSITIONS OF MOVEMENT IN EMAIL WRITING USING THE ADDIE MODEL ... 286

Muhammad Hafiz Mohd Zaki[1] 286

QUIZXPERT 290

Tharsinii Jayasilan[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 290

ANIMATION VIDEO FOR VOCABULARY LEARNING 294

Nurain Khairina Zulkhairi[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 294

UNLOCKING WORDS: THE VAK MODEL IN ACTION 298

Saiyidah Nafisah Mohd Nadzori[1], & Moganashwari Kandasamy[2] 298

VOCABVAULT : Enhancing Pre-service Teachers Vocabulary 302

Balqis Nur Aliah binti Misbah[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 302

WHO VS. WHOM CHECKER 305

Nur Syazrina binti Ahmad Zubir[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 305

SPARKLE READS TO IMPROVE PUPILS READING COMPREHENSION 309

Nurul Adawiyah Binti Abdul Manaf[1], & Dr Moganashwari Kandasamy[2] 309

VOCABULARY ENHANCEMENT THROUGH LITTLE GENIUS: WORD POWER 312

Nur Salsabila Irdina Binti Mohd Salleh[1] & Moganashwary Kandasami[2] 312

PHONICS PLAYLAND: AR FOR LEARNING PHONICS 316

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

e-LAGU SERONOK, KOSA KATA MANTAP! *e-SONGS FUN, VOCABULARY STRONG!*

Viannie Tongguritom[1] & Minah Sintian [2*]

[1,2]*Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim Perak*

**Corresponding author: minahsintian@fbk.upsi.edu.my*

ABSTRAK

Inovasi ini merupakan elektronik lagu (e-lagu) yang dicipta untuk tujuan membantu murid menguasai kosa kata Bahasa Kadazandusun (BKD). Kosa kata difokuskan kepada kata kerja, kata nama dan kata adjektif sahaja. Kajian berbentuk eksperimen ini melibatkan 15 orang murid tahun empat di salah sebuah sekolah rendah luar bandar dalam daerah Tenom, Sabah. Sebanyak empat modul e-lagu yang dicipta sendiri oleh pengkaji telah dijadikan sebagai instrumen kajian di samping rancangan pengajaran harian serta soalan-soalan ujian pra dan pasca. E-lagu mengandungi lirik lagu, audio dan gambar-gambar sokongan yang menarik dan jelas berdasarkan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Tempoh masa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp) ialah 10 minggu. Ujian pra dijalankan sebelum e-lagu digunakan dalam pdp. Modul e-lagu digunakan dengan cara memperdengarkan lagu, membaca lirik, menyanyi secara kelas, kumpulan dan individu, membuat pergerakan mengikut lirik lagu, menjawab kuiz, menyebut perkataan, menulis dan membina ayat mudah. Ujian pasca dijalankan selepas modul e-lagu selesai dilaksanakan dalam pdp. Kajian mendapati kosa kata murid meningkat selepas menggunakan e-lagu, dengan nilai min 80.07 berbanding ujian pra min 37.20. Implikasinya, penggunaan e-lagu berpotensi untuk dikomersialkan kerana dapat meningkatkan pencapaian kosa kata BKD murid sekolah rendah di luar bandar serta dapat menambah bahan bantu mengajar dan belajar BKD.

KATA KUNCI: e-lagu, Bahasa Kadazandusun, Kosa kata, Kajian eksperimen, Murid sekolah rendah

MASALAH DAN OBJEKTIF

Pencapaian murid dalam kosa kata BKD masih berada pada tahap yang rendah dan membimbangkan (Norjietta & Tracy, 2020). Kelemahan murid menguasai kosa kata BKD boleh menghalang pembelajaran BKD seperti yang dihasratkan oleh KPM (2018), iaitu ingin melahirkan murid yang mahir menggunakan BKD dengan baik dan teratur di dalam kehidupan sehari-hari. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pencapaian kosa kata BKD murid selepas menggunakan modul e-lagu.

PENERANGAN REKA BENTUK

Kajian eksperimen ini menggunakan reka bentuk kuantitatif untuk mendapatkan peratus, min dan sisihan piawai. Seramai 15 orang murid tahun empat yang mengambil mata pelajaran BKD terlibat dalam eksperimen ini. Sekolah kajian yang dipilih ialah sebuah sekolah luar bandar yang terletak dalam daerah Tenom di Sabah. Empat buah modul e-lagu yang dicipta oleh pengkaji telah digunakan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran untuk tujuan membantu murid meningkatkan kosa kata BKD. Modul tersebut terdiri daripada e-lagu, rancangan pengajaran harian, kuiz, ujian pra dan pasca. E-lagu yang dicipta mengandungi tema seperti

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

cerita alam, alam pengetahuan dan alam sendiri. E-lagu tersebut mengandungi teks lirik, audio, gambar-gambar sokongan dan grafik yang menarik dan jelas. Setiap lagu mengetengahkan golongan kata seperti kata kerja, kata nama dan kata adjektif untuk tujuan pengayaan kosa kata murid.

Set soalan ujian pra dan pasca yang terdiri daripada soalan berbentuk objektif dan subjektif ini mengandungi aras kesukaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid tahun empat untuk tujuan pengukuran tahap penguasaan kosa kata murid. Antara arahan soalan adalah **"**Bulatkan kosa kata yang sesuai dalam ayat mudah", "Bina ayat mudah berdasarkan kosa kata yang dipelajari" dan "Cari dan tuliskan kata kerja, kata nama, dan kata adjektif dalam jadual yang disediakan". Contoh lirik lagu adalah seperti dalam Rajah 1.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

Tema: Winoun Susuyan (Cerita Dunia)
Tajuk: Kalendar


Milatok, Mansak, Gomot,	*Januari, Februari, Mac*
Ngiop, Mikat, Mahas,	*April, Mei, Jun*
Madas, Magus, Manom,	*Julai, Ogos, September*
Gumas, Milau, Momuhau	*Oktober, November, Disember*
Milatok	*Januari*
Kitonsi no tua parai…	*Padi berbuah*
Mansak	*Februari*
Monsok no tua parai..	*Buah padi masak*
Gomot	*Mac*
Mongomot do parai	*Menuai padi*
Ngiop	*April*
Monilib do tapol parai…	*Menganginkan padi*
Mikat	*Mei*
Mamarangkat do parai	*Mengangkat padi*
Mahas	*Jun*
Mamalangga do ranahon	*Membersihkan sawah*
Madas	*Julai*
Mongimbadas binatang	*Membersihkan permatang*
Magus	*Ogos*
Mamaragus ranahon	*Membajak sawah*
Manom	*September*
Mananom do totok parai	*Menanam padi*
Gumas	*Oktober*
Mamagamas do sakot	*Membuang rumput*
Milau	*November*
Monilau no parai	*Padi menguning*
Momuhau	*Disember*
Momuhau do parai	*Menghalau burung*
Iti no kalendar	*Inilah kalendar*
Kadazandusun!	*Kadazandusun!*

Rajah 1 Lagu Kalendar (Kosa Kata Nama)

VISUAL

Rajah 2 masing-masing menggambarkan markah ujian pra pasca setiap murid. Min markah ujian pra ialah 37.20 dengan sisihan piawai 9.601 sementara min markah pasca 80.07 dengan sisihan piawai 11.145.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0



Rajah 2 Markah Ujian Pra dan Pasca

NOVELTI DAN KEUNIKAN

Produk e-lagu yang diperkenalkan ini merupakan modul pertama menggunakan Bahasa Kadazandusun. E-lagu mengandungi audio, animasi teks, video dan grafik untuk menyokong kosa kata yang dinyanyikan.

MANFAAT

Produk seperti ini mendorong inovasi dalam pembelajaran bahasa. Inovasi ini menyumbang terhadap kepelbagaian bahan bantu mengajar dan belajar khususnya untuk komuniti di sekolah, rumah dan masyarakat setempat. Bahan e-lagu mudah diakses menggunakan peranti komputer, tablet, telefon pintar.

POTENSI KOMERSIAL

Pengaplikasian e-lagu yang mempunyai audiovisual menarik dan mesra pengguna dapat membantu meningkatkan penguasaan kosa kata murid. Inovasi ini berpotensi untuk dikomersialkan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam atau di luar bilik darjah. Antara sasaran pengguna ialah pihak sekolah, ibu bapa, pelajar dan orang awam yang ingin mempelajari Bahasa Kadazandusun.

KESIMPULAN

Ciri-ciri e-lagu yang menarik dan mesra pengguna berjaya membantu meningkatkan pencapaian kosa kata BKD murid. Implikasinya, penggunaan media e-Lagu dapat meningkatkan pencapaian kosa kata BKD murid sekolah rendah di luar bandar serta dapat menambah bahan bantu mengajar dan belajar BKD. Kesimpulannya, inovasi ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan agensi-agensi usahawan lain.

RUJUKAN

Taisin, N. & Valerian, T. (2020). Pengaplikasian perisian kosa kata (Boros Maan) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, *8*(2), 60-69.